


## Majlis Perasmian *Karnival STEM@UiTM 2018*



Pada 28 Ogos 2018 telah berlangsung Majlis Perasmian Karnival STEM (Science, Technology, Engineering, Mathematics) 2018 di Kompleks Kejuruteraan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, UiTM Shah Alam. YB Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, telah hadir dan merasmikan karnival tersebut.

Karnival ini merupakan karnival pertama diadakan dengan himpunan barisan ilmuwan UiTM dari pelbagai bidang melalui kaedah interaktif tersendiri bagi meningkatkan keseronokan pembelajaran dalam mata pelajaran STEM.

Karnival ini adalah anjuran Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik dengan kerjasama Penyelaras STEM UiTM daripada seluruh fakulti di UiTM serta Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan semua pihak yang terlibat menjayakannya Karnival STEM@UiTM ini bukan sahaja berjaya menganjurkan

Karnival STEM UiTM Peringkat Negeri Selangor, bahkan turut melibatkan sekolah-sekolah angkat di bawah aktiviti STEM@UiTM dalam menyempurnakan aspirasi kementerian.

UiTM sangat komited dalam menyokong agenda STEM di negara ini. Sebagai sebuah universiti yang menitikberatkan agenda penyelidikan, UiTM sentiasa berusaha memastikan kualiti pendidikan yang ditawarkan serta kemudahan prasarana yang disediakan menepati dan mencapai standard yang ditetapkan.

Penganjuran Karnival STEM ini dilihat akan menjadi platform terbaik dalam memberi dan menyebarluaskan maklumat yang tepat serta terkini kepada pelajar sekolah dan calon mahasiswa peringkat pengajian tinggi.





## PENGUASAAN BAHASA KETIGA MEMBERI BANYAK KELEBIHAN

Individu yang mampu menguasai bahasa ketiga akan mempunyai kelebihan bukan sahaja dari segi kredibiliti, malah dari segi akses kepada informasi serta satu bonus yang akan membuka peluang yang lebih luas untuk bersaing diperingkat global.

Berpegang kepada pandangan tersebut, Akademi Pengajian Bahasa (APB), Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menganjurkan "The 4th International Conference on Issues in Language Teaching and Learning Amongst Non-Native Speakers" (ILANNS 2018) dan "The 2nd Language Invention, Innovation and Design Competition" (LIID 2018) pada 8 dan 9 Ogos 2018 yang lalu, bertempat di Hotel Concorde, Shah Alam. Program itu telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, YB Teo Nie Ching, dan turut dihadiri oleh Pro-Canselor, YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr Abdul Rahman Arshad dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Ts. Dr Hj Mohamad Kamal Hj Harun.

Program ini bertujuan bagi menyediakan sebuah platform untuk ahli akademik serta pelbagai pihak berkepentingan membincangkan idea, kemahiran dan kepakaran berkenaan isu-isu yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran kepada penutur bukan asli (*non-native speakers*) termasuk strategi pembangunan kurikulum bagi mengatasi masalah pembelajaran pelbagai bahasa ketiga atau turut dikenali sebagai bahasa asing.

Selain dari memastikan pelajar menguasai bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan juga mahir berkomunikasi dalam bahasa Inggeris, kebolehan seseorang untuk berkomunikasi dalam bahasa ketiga merupakan antara kunci utama untuk melonjakkan nama negara di peringkat antarabangsa.



# MDS Sesi 1 2018/2019



Amanat Naib Canselor dan Majlis Perasmian Minggu Destini Siswa (MDS) sempena minggu interim sesi 2018/2019 telah berlangsung di Anjung Seri Budiman, UiTM Shah Alam. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Naib Canselor UiTM, Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said.

Minggu Destini Siswa atau MDS merupakan proses pengenalan kepada alam universiti dan kehidupan sebagai mahasiswa baharu UiTM.

Majlis perasmian dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran dan seterusnya ucapan perasmian oleh Naib Canselor.

Dalam ucapan beliau, Naib Canselor menekankan bahawa sebagai mahasiswa UiTM perlulah menjaga nama baik universiti



dengan mempamerkan sikap yang intelektual dan matang serta menjaga tingkah laku di dalam kampus dan juga di luar kampus. Sebagai tradisi MDS, majlis diteruskan dengan upacara membaca ikrar yang diketuai oleh wakil pelajar.





## Majlis *Ramah Mesra Media* Bersama Pengurusan Tertinggi UiTM

Buat pertama kalinya, Majlis Ramah Mesra Media bersama Pengurusan Kanan Universiti telah diadakan pada 13 Julai 2018 di Dewan Seri Budiman, UiTM Shah Alam. Majlis ini diadakan untuk mengukuhkan lagi tali silaturrahim antara warga media dengan pengurusan tertinggi UiTM. Ini sekaligus dapat membuka ruang bagi pihak media mengenali pengurusan UiTM dengan lebih rapat.

Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat (BCKK) selaku Jawatankuasa Pengangur telah mendapat kerjasama yang erat dari Fakulti Komunikasi dan Pengajaran Media, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Fakulti Muzik, Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik serta bahagian lain yang terlibat bagi memastikan majlis ini berjalan dengan lancar.



Dalam ucapannya, Naib Canselor menekankan pentingnya untuk pihak pengurusan universiti dan pihak media untuk saling berkerjasama dan mengekalkan silaturrahim bagi memastikan kedua-dua pihak mendapat manfaat bersama.





# CONFERENCE OF WOMEN IN DENTISTRY 2018

31 Julai 2018 - Conference of Women in Dentistry 2018 anjuran Fakulti Pergigian telah diadakan di Dewan Albiruni, Fakulti Pergigian, UiTM Kampus Sungai Buloh. Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB Hannah Yeoh Tseow Suan, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia. YBhg. Prof. Dr Haji Mohamad Kamal Haji Harun, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) turut hadir dalam majlis tersebut.

Persidangan ini diadakan bagi mengumpul doktor-doktor wanita dalam bidang pergigian di Malaysia dan luar negara untuk pertama kalinya bagi mendedahkan pensyarah, pelajar dan peserta mengenai

pelbagai kepakaran dalam pergigian, bertukar maklumat, mencipta peluang kepada peserta untuk mendapatkan maklumat mengenai program dan aktiviti yang dimulakan dan dianjurkan oleh Persatuan Pakar Malaysia.

Ia merupakan Persidangan Wanita Pertama dalam Pergigian dengan tema "Celebrating Women's Achievements Through Passion And Leadership" bagi menandakan satu era penting dalam pengiktirafan wanita dalam profesion pergigian. Dekan Fakulti Pergigian, Profesor Dato' Dr Mohamed Ibrahim Abu Hassan dan jawatankuasa penganjur mengambil inisiatif utama dalam menganjurkan persidangan ini adalah sempena tahun 2018 merupakan Tahun Pemerksaan Wanita.



# Konferensi Antarabangsa Pentadbir Universiti ke-19, ICUA19

Warga Pentadbir perlu mempunyai minda yang terbuka, kreatif dan inovatif dalam menangani perubahan bagi membantu pengurusan universiti dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan agenda transformasi universiti. Lantaran itu, Konferensi Antarabangsa Pentadbir Universiti sekali lagi dianjurkan pada tahun ini dengan mengangkat tema *Talent Management: Strengthening Future Leaders*. Konferensi kali ini diadakan pada 14 hingga 15 Ogos 2018 dan julung kali diadakan di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam.

Bersetujuan dengan kehendak dan aspirasi negara, objektif utama konferensi ini adalah untuk memberi pemantapan kepada pentadbir serta melihat dan menyemak semula kepimpinan institusi pendidikan tinggi dan seterusnya memberi nafas baru mengenai gaya kepimpinan yang terbaik dalam menghadapi cabaran semasa di peringkat global.

Konferensi ini bertujuan untuk mencapai pelbagai objektif utama antaranya melahirkan pentadbir yang *versatile* dan boleh bersaing di peringkat global serta menjana idea dan pendekatan terbaik dalam memperkasakan kepimpinan dan

urus tadbir universiti yang lebih mantap dan dinamik. YBhg. Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Pengarah Bahagian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia telah hadir bagi menyampaikan ucap tama dan seterusnya merasmikan ICUA19 ini.

Antara barisan panel yang hebat berkongsi idea di pentas ICUA ini ialah YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor, YBhg. Dato' Seri Syed Zainal Abidin, Pengurus Lembaga Pengarah, YBhg. Tan Sri Zarina Anwar, Pro Canselor, Mr. Sam Haggag, Pengarah MSP & Sales Asia Pac & Middle East Country Manager Manpower Malaysia dan YBhg. Datuk Dr. Aminar Rashid Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Perodua.





## QURBAN DAN AQIQAH

Bahagian Hal Ehwal Islam, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Shah Alam akan mengadakan Majlis Qurban dan Aqiqah bersempena dengan kedatangan Aidil Adha yang merupakan acara tahunan universiti.

Pada tahun ini sebanyak 12 ekor lembu dan enam ekor kambing telah dikorbankan pada hari raya pertama bertempat di Tapak Korban UiTM, Shah Alam.

Majlis Qurban dan Aqiqah ini disempurnakan sendiri oleh YBhg. Profesor Dr. Haji Muhamad Rahimi Osman, Dekan ACIS dan kakitangan UiTM bermula dari penyembelihan hingga ke peringkat akhir, iaitu pembungkusan dan pengagihan.

Acara dimeriahkan lagi dengan kehadiran YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said serta isteri YBhg. Datin Che Norhayati Salleh.



# A CITRAWARNA IDILFITRI CANSELERI 2018

MAAF ZAHIR DAN BATIN • 1439H



*Suasana Meriah,  
Eratkan Ukhuwah*

Warga Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin sekali lagi mengambil peluang untuk menganjurkan Citrawarna Aidilfitri khusus bagi meraikan kedatangan bulan Syawal yang mulia.

Majlis yang dianjurkan ini disertai oleh semua warga Canseleri dengan menu hari raya mengikut tema yang telah ditetapkan. Majlis pada tahun ini bukan sahaja dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi, tetapi juga dimeriahkan dengan kehadiran Ahli-ahli Mesyuarat Senat yang turut sama menyumbang juadah kepada warga Canseleri yang hadir.

Warga Canseleri dan jemputan yang hadir juga turut diserikan dengan acara cabutan bertuah dan pelbagai anugerah kepada penggerai yang terpilih.



*Professorial Lecture*  
**PROF. IR DR HJ.  
ABDUL RAHMAN OMAR**

Pada 18 Julai 2018 bertempat di Anjung Seri Budiman UiTM Shah Alam telah berlangsungnya *Professorial Lecture* oleh Prof. Ir. Dr Hj. Abdul Rahman Omar. Majlis ini telah dianjurkan oleh Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dengan kerjasama *Institute of Research Management & Innovation (IRMI)*, *Institute of Leadership and Development (ILD)* dan *Centre for Strategic, Planning and Information (CSPI)*.

Syaran yang disampaikan YBhg. Prof. Ir. Dr Hj. Abdul Rahman Omar bertajuk *Safe Workplace Environment What You Should Know*, yang menyentuh perkara-perkara berkaitan risiko keselamatan dan cara pencegahan kecederaan di tempat kerja. Beliau yang juga merupakan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang penyelidikan di mana beliau telah menerbitkan lebih 100 kertas penyelidikan berkaitan tajuk tersebut.



KL18

## MoU Antara

## UiTM dan UEM Berhad





## MoU Antara UiTM dan Universitas Pertamina





UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



## Cabaran

### World University Orienteering Championship 2018

12 Julai 2018 - Majlis Penyerahan Jalur Gemilang Sempena World University Orienteering Championship 2018 telah berlangsung di Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin, UiTM Shah Alam. Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) akan menyertai Kejohanan Orienteering Universiti Dunia di Kuortane, Finland pada 14 hingga 22 Julai 2018.

Kejohanan ini adalah anjuran Federation International Sports University (FISU) dengan kerjasama Persatuan Sukan Finland. UiTM merupakan satu-satunya universiti dari Malaysia yang menyertai pertandingan tersebut yang akan diwakili oleh saudara Azam Mohd Shidid pelajar daripada Fakulti Sains Sukan & Rekreasi. Beliau mengambil bahagian dalam dua acara individu iaitu acara jarak sederhana dan acara pecut.

Sebanyak 33 buah negara telah menyertai pertandingan tersebut, antaranya Amerika Syarikat, China, New Zealand, Sweden, Hungary, Slovenia, Poland, Australia, Belgium, Italy dan Austria.





## Ekspedisi Kayak Nusantara Riau

Pusat Sukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menganjurkan acara kayak yang julung kalinya diadakan oleh mahasiswa, mahasiswi dan alumni UiTM di laluan perairan Selat Melaka, yang melibatkan laluan dari Port Dickson - Melaka - Muar - Pulau Bengkalis, Indonesia.

Misi utama program ini adalah untuk meningkatkan imej UiTM di peringkat antarabangsa melalui aktiviti lasak. Ekspedisi ini juga telah menempa nama dalam *Malaysia Book of Records* dalam memecah rekod ekspedisi kayak paling ramai dalam satu masa dengan jumlah laluan lebih 100 kilometer.

Ekspedisi yang berlangsung pada 20 hingga 25 Julai 2018 melibatkan

penyertaan lebih 210 orang pendayung dari seluruh kampus UiTM. Ekspedisi ini juga telah menjalin kerjasama bersama Politeknik Negeri Bengkalis, Indonesia apabila beberapa program kerjasama dibuat antara mahasiswa UiTM dan mahasiswa Politeknik Negeri Bengkalis, Indonesia.

Majlis perasmian program ini berlangsung pada 20 Julai 2018 dan telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Belia dan Sukan Negeri Sembilan, Mohamad Taufek Abd. Ghani dan turut dihadiri oleh Prof. Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Prof. Dr. Nasrudin Mohammed.





# PERASMIAN UISF 2018



1 Ogos 2018- Seramai 850 atlet terdiri daripada pelajar universiti termasuk dari luar negara menyertai kejohanan sukan tahunan, *International Sport Fiesta (UISF)* ke-13 anjuran Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kejohanan yang merupakan kerjasama dengan Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan yang melibatkan 27 universiti tempatan dan dari luar negara ini berlangsung di Kompleks Sukan UiTM di sini bermula 31 Julai hingga 5 Ogos 2018.

Majlis telah dirasmikan oleh Datuk Menteri Besar Selangor, Tuan Amirudin Shari. Dalam ucapan beliau menyatakan kejohanan tersebut mampu mengeratkan hubungan antara negara-negara ASEAN dan serantau seperti Sri Lanka, Nepal dan Pakistan atas semangat kesukunan dan persahabatan. Turut hadir, Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan Said dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM, Profesor Dato' Dr. Abdullah Mohd. Said. Sebanyak tujuh acara dipertandingkan iaitu futsal, hoki, tenis, badminton, bola keranjang, ragbi tujuh sebelah dan pingpong.





Antara universiti dari luar yang mengambil bahagian ialah Universiti of Cebu, Diliman College, Mapua University dari Filipina, Universiti Brunei Darussalam, Politeknik Brunei dari Brunei, Universitas Gadjah Mada, Universitas Negeri Jakarta, Trisakti University, Airlangga University, Universitas Pendidikan Indonesia, Universitas Padjajaran, Institut Teknologi Bandung, Universitas Negeri Yogyakarta, Universitas Tarumanagara dan Universitas Makasar mewakili Indonesia; Moratuwa University, University of Colombo, Sri Lanka Institute of Information Technology, University of Sri Jayewardenepura, University of Peradeniya, NSBM Green University Town dan Ceylon German Technical Training Institute dari Sri Lanka, Singapore Management University dari Singapura, Tribhuwan University dari Nepal dan Sarhad University of Science & Information Technology dari Pakistan.



# SIDANG REDAKSI

Penaung  
**Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said**

Penasihat  
**Alfina Bakar**

Ketua Editor  
**Mohammad Syazwan Mohd**

Editor  
**Aida Ahmad Saipiuddin**  
**Nurul Afnieza Md Zain**

Pereka Grafik  
**Mohd Nor Firdaus Mohd Isa**

Penulis Berita  
**Hanisah Yacob**  
**Umi Kazura Zakaria**  
**Nur Idune Hayana Che Mohd**  
**Nor Azlina Nordin**  
**Noor Suhada Sapri (Pelatih Industri)**  
**Nurain Anatrah Abdul Sattar (Pelatih Industri)**

Jurufoto  
**Roslan Daud**  
**Shamsul Hidayat Omar**  
**Shazana Shabuddin**  
**Shahida Nordin**


Edaran  
**Asura Rahman**

 @VCUiTM

 *UiTM di hatiku*  
YouTube

 [www.uitm.edu.my](http://www.uitm.edu.my)

 **UiTM Rasmi:** [www.facebook.com/uitmrasmi](http://www.facebook.com/uitmrasmi)  
**Lensa Korporat:** [www.facebook.com/darlensakorporat](http://www.facebook.com/darlensakorporat)



Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat  
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Selangor



 **UiTM** *di hatiku*